

Usaha merapatkan jurang perbezaan dengan bukan Melayu masih sukar

PM: Melayu tiada kesungguhan

Oleh ISMAIL DAUD

BANGI 10 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, usaha merapatkan jurang perbezaan antara Melayu dan bukan Melayu di negara ini masih sukar memandangkan orang Melayu belum menampakkan kesungguhan untuk mempunyai kecekapan, mengejar ilmu dan menguasai kemahiran.

Kata Perdana Menteri, orang Melayu kini tidak mempunyai sebarang kekurangan kerana terdapat bukti orang Melayu dapat mengimbangi bukan Melayu jika mereka rajin mengejar ilmu dan perkara ini tidak dapat dipersoalkan lagi.

Yang menjadi masalah, kata Perdana Menteri ialah jumlah orang Melayu tidak begitu ramai berminat untuk menguasai kemahiran-kemahiran tertentu.

Menguasai

“Sedangkan dengan menguasai kemahiran-kemahiran ini mereka dapat menolong membangunkan kaum mereka setaraf dengan kaum yang lain,” katanya ketika merasmikan Institut Malaysia Perancis (MFI) di sini, hari ini.

MFI adalah institusi latihan teknikal yang dikendalikan oleh Mara dengan kerjasama kerajaan Perancis. Ia kini menawarkan lapan kursus diploma dan dua kursus ijazah.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata kerajaan ingin melihat negara ini maju dan rakyatnya tahu menggunakan kemajuan yang dikecapi itu.

“Untuk ini kerajaan sedia membelanja-

■ Lihat muka 4

PM: Melayu tiada kesungguhan

kan wang yang banyak, mengadakan pusat-pusat latihan tetapi hanya dengan pusat-pusat latihan sahaja tidak mencukupi jika tidak ada minat di kalangan orang Melayu untuk menikmati kemudahan kemajuan,” tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan tidak mahu melihat apabila Malaysia menjadi negara maju, orang Melayu tidak menikmati kemajuan itu kerana tidak mempunyai ilmu dan kemahiran tertentu.

Beliau yakin orang Melayu mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dan menjadi cekap jika mereka diberikan latihan dan melakukan sesuatu perkara itu berulang kali sehingga berjaya.

Katanya, dengan ilmu dan kecekapan itu juga, nilai bagi orang Melayu di dalam pasaran kerja akan meningkat dan seterusnya boleh menikmati kehidupan yang lebih baik.

“Kalau kita dahulu dilahirkan oleh ibu bapa yang pendapatannya rendah kerana tidak mempunyai kelulusan, kita harap anak mereka akan dapat latihan yang mencukupi supaya mereka semakin lama semakin berharga dalam pasaran kerja

dan dapat meningkatkan pendapatan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pada zaman sebelum merdeka, semua kerja bercorak teknikal hanya dilakukan oleh orang-orang Cina dan orang Melayu dianggap tidak mampu melakukan kerja tersebut.

“Dengan itu apabila sesuatu yang memerlukan kecekapan mekanikal atau bercorak teknikal hendak dibuat, biasanya kita memanggil apa yang dikenali sebagai tukang Cina.

“Kalau jam rosak, kita panggil tukang Cina. Kalau kereta rosak, kita juga panggil mekanik Cina. Kalau ada apa-apa yang memerlukan kecekapan mekanikal, kita berpendapat ini tidak mungkin dapat dibuat oleh orang Melayu,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, menyedari kelemahan itu, kerajaan telah menubuhkan MARA untuk mengimbangi tenaga kerja teknikal di kalangan orang-orang Cina dan orang Melayu.

Hari ini, katanya, ketidakseimbangan itu telah dapat diperbaiki menerusi penubuhan pelbagai institusi latihan untuk Bumiputera oleh MARA termasuk MFI.

Justeru, beliau berharap pelajar-pelajar

di institusi pengajian dan latihan menghargai peluang yang diberikan dengan berusaha meningkatkan keupayaan diri.

“Negara memerlukan rakyat yang berilmu dan mempunyai kecekapan yang tinggi. Dengan ilmu itu, mereka akan mendapat pulangan lumayan dan ini akan menyumbang kepada ekonomi negara,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berseloroh akan mencari ke mana perginya pelajar lelaki apabila melihat lebih ramai pelajar perempuan di MFI.

“Setahu saya, rakyat Malaysia ini 50 peratus lelaki dan 50 peratus wanita tetapi mana perginya pelajar lelaki ini. Saya akan cari mereka kerana kita perlukan tenaga mereka,” katanya.

Turut hadir pada majlis perasmian MFI ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo dan Duta Perancis ke Malaysia, Xavier Driencourt.